



# Suara LPP

Bergerak Maju Bersama Peladang

Bil: 1/2004

Diterbitkan oleh: Bahagian Hal Ehwal Korporat



Menteri Pertanian, Y.B. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin sedang menyampaikan ucapan di Perhimpunan Tahunan Kementerian Pertanian.

Menteri Pertanian, Y.B. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin menyeru semua agensi Kementerian Pertanian yang terbabit dalam sektor pertanian memainkan peranan bagi meningkatkan sektor tersebut. Peranan agensi yang terlibat secara langsung dengan golongan sasar iaitu peladang, penternak dan nelayan dipelbagai peringkat amat penting.

Beliau berkata demikian dalam ucapan di Perhimpunan Tahunan Kementerian Pertanian pada 20 Januari 2004. Perhimpunan tersebut turut dihadiri Timbalan Menteri Pertanian, Y.B. Dato' Seri Haji Mohd Sharif Haji Omar. Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Y.B. Dato' Haji Abu Bakar Taib dan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian, Y.H. Dato' Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor serta ketua-ketua jabatan/agensi Kementerian Pertanian.

## Martabatkan Sektor Pertanian

"Tugas yang saya pikul ini merupakan satu tanggungjawab yang besar dan mencabar, oleh itu saya mahukan gambaran menyeluruh kementerian, jabatan dan agensi di bawahnya mengenai sasaran dan arah tuju.

"Beliau turut merakamkan ucapan terima kasih kepada bekas Menteri Pertanian, Y.B. Dato' Sri (Dr.) Mohd Effendi Norwawi dan kakitangannya kerana dapat menggerakkan Kementerian Pertanian dan agensi di bawahnya ke hadapan melalui program-program yang disusun dan dilaksanakan bagi membangunkan suatu kelompok masyarakat yang maju di kalangan peladang, penternak dan nelayan," kata beliau.



Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Y.B. Dato' Seri Haji Mohd Sharif Haji Omar, Y.B. Dato' Haji Abu Bakar Taib dan Y.H. Dato' Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor sedang menyanyikan lagu Peladang Berjaya di Perhimpunan Tahunan Kementerian Pertanian 2004.

# Dari Meja Ketua Pengarang

Hari ini tanpa disedari lebih seperempat tahun 2004 telah kita lalui. Cuba kita renung sejenak apakah yang telah kita lakukan sepanjang tempoh tersebut. Sebenarnya kita tersilap jika beranggapan mempunyai masa yang banyak tanpa melakukan sesuatu perkerjaan yang berfaedah. Membiarkan masa berlalu begitu sahaja tentulah amat merugikan. Kesempatan yang datang jika tidak direbut dan dimanfaatkan sebaik-baiknya akan hilang begitu sahaja atau mungkin terlepas kepada orang lain.

Kesibukan dalam menjalankan tugas seharian adalah perkara subjektif untuk dihuraikan. Kita tidak dapat mengukur sejauh mana kesibukan seseorang itu kerana penghayatan setiap orang dalam menjalankan tugas adalah berbeza. Rasa letih, penat atau bosan dengan pekerjaan yang dilakukan tidak akan dirasai oleh mereka yang bekerja dengan penuh tanggungjawab dan menganggapnya sebagai satu ibadah. Sebaliknya kepada mereka yang malas, tidak berdisiplin atau tidak mempunyai komitmen akan berasa satu bebanan yang sukar dipikul apabila diarah melakukan sesuatu pekerjaan.

Sebagai anggota yang diamanah supaya membantu masyarakat peladang, kita

mempunyai banyak perkara yang perlu dilakukan bagi memajukan golongan tersebut. Sebenarnya masa kita amat terbatas kalau dibandingkan dengan peranan yang perlu dilakukan bagi mengubah nasib mereka. Bila disebut petani, penternak atau nelayan gambaran awal tentulah merujuk kepada golongan tua yang menetap diluar bandar atau dipersisiran pantai. Kita perlu mengubah persepsi ini supaya gambaran warna-warna kehidupan mereka lebih baik, maju dan berdaya saing.

Kita mestilah menggunakan masa yang ada semaksimun mungkin bagi merealisasikan hasrat ini. Jurang yang memisahkan taraf kehidupan petani dengan masyarakat bandar harus disempitkan. Pemindahan teknologi, bimbingan dan kerjasama yang sedia terjalin diantara kita dengan masyarakat petani perlu diperkemaskan bagi memastikan kehidupan mereka terus terbela. Usaha-usaha menarik golongan belia supaya menjadikan sektor ini sebagai satu kerjaya harus dilakukan secara berterusan. Ini kerana bidang pertanian adalah pemangkin kepada pembangunan negara dan penyumbang kepada sumber ekonomi negara.

## ***Penaung***

**Nozir Ahmad bin Hussain**

## ***Penasihat***

**Milatusamshi bin Imam Nawawi**

**Aziz bin Abu Seman**

## ***Ketua Pengarang***

**Mohd. Rosli bin Harun**

## ***Penyunting***

**Azizan bin Hj. Othman**

## ***Pengarang***

**Rohman bin Jasmani**

**Mazuan bin Panjang Ali**

**Husra Kasuma Fahmi bin Hussin**

## ***Grafik/Illustrator***

**Rohman bin Jasmani**

**Kamaruzzan bin Hanif**

## ***Fotografi***

**Ishak bin Abd. Rahman**

**Sahidan bin Zakaria**

## ***Pengedaran***

**Zulkifle bin Mat**

**Abu Hassan bin Abd. Aziz**

## ***Jurutaip***

**Sharifah binti Sulaiman**

## ***Diterbitkan Oleh:***

**Unit Produksi Media,**

**Bahagian Hal Ehwal Korporat,**

**Lembaga Pertubuhan Peladang,**

**Blok C Utara, Pusat Bandar**

**Damansara, Bukit Damansara,**

**50990 Kuala Lumpur.**

Menurut beliau lagi sektor pertanian merupakan agenda utama negara suatu ketika dulu. Namun bagi membangunkan negara seiring dengan negara-negara maju, perhatian yang lebih telah diberikan terhadap sektor industri dan perkilangan. Maka bagi meletakkan semula sektor pertanian supaya menjadi sebuah industri yang berdaya saing, sasaran dan strategi yang jitu harus di wujudkan.

Oleh itu kita harus memikirkan satu cara dan pendekatan baru yang lebih dinamik serta bersesuaian dengan arus pembangunan dalam era globalisasi dengan mempelbagaikan dan mempertingkatkan hasil pengeluaran. Beliau yakin bahawa industri pertanian ini dapat bersaing seiring dengan industri lain dalam memartabatkan ekonomi negara.

Menyentuh mengenai program yang telah disusun oleh bekas Menteri Pertanian dalam usahanya meningkatkan pengeluaran dan mengurangkan import bahan makanan, penambahbaikan terhadap sistem yang ada perlu dilakukan dengan meningkatkan cara penghantaran atau 'Delivery System'. Sistem ini harus diperbaiki di semua peringkat yang paling hampir dengan golongan sasaran supaya setiap peladang, penternak dan nelayan dapat memperoleh manfaat terhadap penemuan teknologi baru. Pegawai pertanian di peringkat daerah yang di pertanggungjawabkan perlu memberi penerangan terhadap golongan sasaran yang terlibat secara langsung dengan pertanian.

Beberapa perkara turut disentuh oleh beliau untuk memartabatkan industri ini bagi meningkatkan pendapatan peladang, penternak dan nelayan. Program MOA Inc yang dilaksanakan akan menerapkan nilai-nilai korporat dan profesional dalam melaksanakan tugas mereka. Pembaziran dalam penggunaan sumber perlu dikaji supaya

penggunaannya tidak melebihi daripada hasil dikeluarkan yang akan mengakibatkan kerugian.

"Dengan kecekapan pegawai yang dipertanggungjawabkan dan penerimaan peladang, penternak dan nelayan melalui aktiviti dan program yang dijalankan oleh pertubuhan peladang, industri pertanian akan cemerlang, gemilang dan terbilang selaras dengan apa yang Perdana Menteri, Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi sarankan. Selain itu sasaran dan jangkamasa perlu diwujudkan bagi memantau perkembangan projek yang dijalankan. Ini dapat dijadikan garis panduan untuk mengurangkan kos dan meningkatkan produktiviti. Konsep mesra rakyat perlu ada pada setiap agensi dan pegawai yang berurusan dengan golongan sasaran dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi bersama," tambah beliau lagi mengakhiri ucapannya.



*Y.Bhg. Dato' Nozir Ahmad Hussain, Ketua Pengarah LPP turut hadir di Perhimpunan Tahunan Kementerian Pertanian.*



*Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Y.B. Dato' Seri Haji Mohd Sharif Haji Omar, Y.B. Dato' Haji Abu Bakar Taib dan Y.H. Dato' Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor bergambar bersama ketua-ketua jabatan dan agensi Kementerian Pertanian.*



# Pertanian Pemangkin Pendapatan



*Menteri Pertanian, Y.B. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin menyampaikan replika cek bantuan berjumlah RM848,000 kepada Tuan Haji Osman bin Mohd Sharif.*

terhadap sektor perkilangan yang menawarkan gaji yang lebih lumayan tanpa perlu berkotor dan mengeluarkan tenaga yang banyak.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan Majlis Menuai Jagung Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Rembau, Negeri Sembilan pada 27 Februari 2004. Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Exco Pertanian Negeri Sembilan, Y.B. Dato' Haji Shamsul Bahari bin Mat, Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang, Y.Bhg. Profesor Datuk Dr. Alang Perang Zainuddin dan Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan LPP, Y.Bhg. Tuan

Menteri Pertanian, Y.B. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin menyatakan kebimbangan kerajaan terhadap golongan pelapis iaitu muda mudi luar bandar yang kurang berminat terhadap sektor pertanian.

Mereka telah menganggap bahawa sektor pertanian tiada masa depan malah tidak mempunyai standard terutamanya dalam era pembangunan sekarang. Mereka lebih berminat

*Y.B. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin meneliti jagung yang dipetik sambil diperhatikan oleh Y.Bhg. Profesor Datuk Dr. Alang Perang Zainuddin, Y.Bhg. Tuan Haji Milatusamshi Imam Nawawi dan Encik Abd. Wahab bin Gawa.*

Haji Milatusamshi Imam Nawawi. Projek Tanaman Jagung tersebut telah diusahakan dalam kawasan Tanah Sawah Terbiar di kampung Batu Hampar milik ahli PPK.

“Persepsi ini haruslah dikikis bermula dari sekarang kerana golongan yang mengusahakan sektor ini puratanya sudah menjangkau umur 50’an. Dengan penemuan teknologi baru dalam bidang pertanian diharap dapat menarik minat golongan muda. Perdana Menteri, Y.A.B. Dato’ Seri Abdullah Ahmad Badawi telah menyatakan kerajaan akan menyediakan peruntukan dalam usaha membangunkan semula industri pertanian ketahap yang lebih tinggi. Oleh itu usaha kerajaan bagi menarik minat golong muda harus disokong bagi menjamin pembangunan industri pertanian di samping menjana pembangunan ekonomi negara tercapai.

“Kita melihat teknologi dapat meningkatkan hasil ekonomi berdasarkan kejayaan negara maju seperti Australia dan Jepun dalam pertanian. Mereka tidak mempunyai kawasan yang luas bagi mengusahakan kegiatan ini berbanding dengan negara kita. Tetapi dengan kepakaran dan kemahiran yang ada, mereka dapat mengeluarkan hasil berlipat kali ganda dan berkualiti. Kita harus mengambil contoh dari semua itu tambahan pula negara kita mempunyai banyak kawasan tanah terbiar yang tidak dimajukan,” ujar beliau.

Menurut beliau lagi, lebih daripada 400 hektar kawasan di seluruh negara dikenalpasti oleh

kerajaan untuk program pembangunan akuakultur bagi ternakan udang dan ikan. Menjelang tahun 2010 kerajaan menjangkakan sebanyak RM5 bilion akan diperolehi daripada pembangunan akuakultur tersebut melalui pelaburan daripada kerajaan dan swasta.

Sebelum itu Pengerusi PPK Rembau, Encik Abd. Wahab bin Gawa dalam ucapan alu-aluan menerangkan PPK mula mengusahakan tanaman jagung di kawasan tanah sawah terbiar milik ahli pada Mei 2003. Tanaman jagung seluas 8 hektar yang mendapat peruntukan sebanyak RM100,000 daripada Lembaga Pertubuhan Peladang di bawah Program Pengeluaran Bahan Makanan ini menggunakan teknologi moden dan kaedah biologi dalam pengurusannya.

Manakala dalam sidang akhbar selepas perasmian tersebut Menteri Pertanian menyatakan bahawa kementeriannya akan melancarkan ‘Tunas Mekar’ yang melibatkan golongan muda lepasan universiti dalam program pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) berkaitan pertanian. Jawatankuasa yang dilantik dalam program tersebut akan mengenalpasti jenis-jenis projek yang boleh dilaksanakan di luar bandar. Industri yang telah dikenalpasti akan diusahakan secara berkelompok bagi memudahkan pengurusan agar dapat menambah pendapatan.

Majlis Menuai Jagung diakhiri dengan penyerahan sebuah traktor empat roda kepada PPK Rembau oleh Menteri Pertanian. Di samping itu Pertubuhan Peladang Negeri Sembilan (PPN) turut menerima sebuah backhoe, traktor, pickup van dan lori serta peralatan kejenteraan bagi projek pengeluaran dan pemasaran buah-buahan. Bantuan itu telah diterima oleh Pengerusi PPN Tuan Haji Osman bin Mohd Sharif. Semua bantuan yang diberi adalah sumbangan LPP.



*Y.B. Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin sedang mencuba traktor yang diserahkan kepada PPK Rembau sumbangan oleh LPP.*





# Cemerlang, Gemilang dan Terbilang



*Ketua Pengarah LPP, Y.Bhg. Dato' Nozir Ahmad Hussain sedang menyampaikan ucapan semasa Majlis Perhimpunan Bulanan Anggota LPP Ibu Pejabat.*

Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Y.Bhg. Dato' Nozir Ahmad Hussain menerangkan sektor pertanian akan menjadi sektor utama sebaris dengan sektor lain pada masa hadapan. Perkembangan ini dilihat akan menjadikan peranan LPP dalam sektor pertanian lebih mencabar.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Perhimpunan Bulanan Anggota LPP Ibu Pejabat pada 30 Januari 2004. Turut hadir dalam perhimpunan tersebut ialah Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan LPP, Encik Aziz bin Abu Seman dan pengarah-pengarah bahagian LPP.

"LPP bertanggungjawab untuk merealisasikan misi ini dengan mengubah para peladang kita yang masih mengusahakan bidang pertanian secara

tradisional kepada penggunaan teknologi moden. Kerajaan memastikan Malaysia mempunyai daya saing dalam semua sektor termasuk sektor pertanian".

"Satu dasar baru telah dilancarkan oleh Menteri Pembangunan Tanah dan Koperasi bagi mewakili Perdana Menteri di kenali dengan nama Dasar Koperasi Negara. Ini berkait rapat dengan LPP yang menyelaras Koperasi Pertanian dan Pertubuhan Peladang seluruh negara. Atas peranan tersebut LPP akan memberi tumpuan bagi mengabungkan Koperasi dan Pertubuhan Peladang", ujar beliau lagi.

Di samping itu, tambah beliau lagi para peladang dan nelayan digalakkan melibatkan diri dalam industri kecil sederhana (IKS) bagi menambah pendapatan.



*Ketua Pengarah LPP, Y.Bhg. Dato' Nozir Ahmad Hussain sedang menyampaikan Sijil Tokoh Pekerja Bulan Disember 2003 LPP Ibu Pejabat kepada Chik Harun bin Setapa, anggota Bahagian Penyeliaan dan Penguatkuasaan semasa Majlis Perhimpunan Bulanan Anggota LPP Ibu Pejabat.*

“Perkhidmatan yang diberi mestilah memuaskan hati setiap pelanggan yang berurusan selaras dengan slogan Perdana Menteri iaitu **Cemerlang, Gemilang dan Terbilang**”.

Bagi memperhebatkan lagi IKS para peladang dan nelayan perlu digerakkan untuk mengambil bahagian dalam bidang tertentu seperti pemasaran, pemprosesan dan pengangkutan. Beliau juga menyentuh tentang *delivery system* atau sistem perkhidmatan kepada pelanggan yang selalu digunapakai di pertubuhan peladang semasa memberi perkhidmatan.

Perkhidmatan mestilah memuaskan hati setiap pelanggan yang datang berurusan selaras dengan slogan Perdana Menteri iaitu **Cemerlang, Gemilang dan Terbilang**.

Sebuah jawatankuasa yang terdiri daripada pegawai-pegawai LPP akan ditubuhkan bagi memantau perkhidmatan yang diberi agar tidak

tersasar dari objektif. Jawatankuasa yang dilantik mestilah sentiasa peka dalam penambahbaikan mutu serta kualiti perkhidmatan selaras dengan piagam pelanggan yang ditetapkan. Setiap ketua jabatan perlu memastikan setiap arahan yang diterima sentiasa dipatuhi dan dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Bagi merealisasikan rancangan tersebut Pembangunan Sumber Manusia LPP akan memastikan setiap kakitangan mengikuti latihan yang memberi keutamaan dalam meningkatkan kefahaman, pengetahuan, kemahiran dan cara pemikiran.

Diakhir perhimpunan tersebut telah diadakan penyampaian Anugerah Tokoh Pekerja Bulan November dan Disember 2003 Ibu Pejabat LPP serta pemenang pertandingan badminton anjuran Kelab Sukan dan Kebajikan Ibu Pejabat LPP.

Selepas perhimpunan, diadakan bacaan Yassin dan Doa Kesyukuran atas Penganugerahan Pingat Dato' Setia Diraja Kedah (DSDK) kepada Y. Bhg. Dato' Nozir Ahmad bin Hussain oleh Duli Yang Maha Mulia Al Sultan Almu'Tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman Sempena Ulangtahun Hari Keputeraan Baginda Yang Ke-76 pada 18 Januari 2004.



Anggota LPP Ibu Pejabat sedang mendengar ucapan yang disampaikan oleh Y.Bhg. Dato' Nozir Ahmad Hussain di Majlis Perhimpunan tersebut.

**Kementerian Pertanian Malaysia  
Telah Ditukar Nama Menjadi  
Kementerian Pertanian  
Dan Industri Asas Tani Malaysia  
Menteri**

**Y.B. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd. Yassin  
Timbalan Menteri**

**Y.B. Dato' Seri Haji Mohd Sharif Bin Haji Omar  
Y.B. Dato' Seri Kerk Choo Ting  
Setiausaha Parlimen**

**Y.B. Dato' Rohani Binti Abdul Karim  
Berkuat kuasa Pada 27 Mac 2004**